

0457

U B945 AAB
MAHATHIR - AKHBAR R'R'R'

PETALING JAYA, 22 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN KEPADA MEDIA TEMPATAN SUPAYA MENEMPATKAN WARTAWAN MASING-MASING DI LUAR NEGARA BAGI MENGELAKKAN PENJAJAHAN PEMIKIRAN MELALUI MEDIA BARAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN DISOGOK OLEH BERITA-BERITA DARIPADA PUNCA-PUNCA ASING, ADA KEMUNGKINAN LAMA KELAMAAN NILAI, SIKAP DAN PENDIRIAN MASYARAKAT TEMPATAN AKAN TURUT TERJEJAS.

+SECARA TIDAK LANGSUNG, SEDIKIT SEBANYAK KITA MENGIKUTI CARA BARAT YANG SUDAH TENTU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN MEREKA,+ KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN TENGAH HARI DAN PENYAMPAIAN HADIAH KEWARTAWAN MALAYSIA ANJURAN INSTITUT AKHBAR MALAYSIA DI PJ HILTON DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PENJAJAHAN FIZIKAL TELAH DIHAPUSKAN MELALUI KEMERDEKAAN TETAPI KERANA PENGUASAAN MEDIA OLEH BARAT, PEMIKIRAN MASYARAKAT MASIH DIJAJAH.

SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA SARANAN ITU BUKAN BERMAKSUD BAHAN-BAHAN BERITA ASING MELALUI AGENSI-AGENSI BERITA ANTARABANGSA TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LANGSUNG, PERDANA MENTERI BERKATA=

+SAYA HANYA HARAP LEBIH RAMAI WARTAWAN TEMPATAN MENULIS MENGENAI ISU-ISU ANTARABANGSA SECARA TIDAK ORTODOK DAN BERLAINAN DARIPADA KACAMATA BARAT TETAPI MASIH MEMPUNYAI LOJIK DAN PEMIKIRAN YANG BERNAS DAN TERSENDIRI.+ -- LAGI.

1534MST 22 02 90

0458

U B946 AAB
MAHATHIR - AKHBAR 2 PETALING JAYA R'R'R'

DENGAN MENYEBUT CONTOH PERGOLAKAN POLITIK ANTARABANGSA SEPERTI DI NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BERITA-BERITA DAN RENCANA YANG DIBACA DI NEGARA INI ADALAH MELALUI KACA MATA DAN PANDANGAN ORANG ASING YANG MEMPUNYAI NILAI-NILAI DAN PENDEKATAN YANG TIDAK SEMESTINYA SAMA DENGAN NILAI MASYARAKAT TEMPATAN.

BELIAU SETERUSNYA MENYARANKAN AGAR AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN MEWUJUDKAN SUATU BENTUK KERJASAMA DALAM MENEMPATKAN WARTAWAN DI LUAR NEGARA MEMANDANGKAN MEREKA AKAN MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN DAN KAKITANGAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN SECARA BERASINGAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN AKHBAR BAHAWA SIKAP BERMUSUH TERHADAP KERAJAAN TIDAK SEPATUTNYA MENJADI UKURAN KREDIBILITI SESEBUAH AKHBAR.

+INI TIDAKLAH BERERTI PIHAK AKHBAR TIDAK BOLEH MENKRITIK DAN MENEGUR KERAJAAN TETAPI MENIDAKKAN YANG BAIK, HANYA KERANA KONONNYA INGIN MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN DAN KREDIBILITI DAN MUNGKIN KEPENTINGAN KOMERSIL, SEBENARNYA MENCABUL HAK DAN KEBEBASAN YANG DIBERIKAN KEPADA AKHBAR,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1536MST 22 02 90

D466

U B950 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 3 PETALING JAYA

BELIAU JUGA MENASIHATI AKHBAR-AKHBAR SUPAYA JANGAN TERLALU FANATIK TENTANG SOAL +HAK UNTUK MENGETAHUI+ KERANA ADA KALANYA, LEBIH BAIK JIKA SESUATU BERITA ITU TIDAK DISEBARKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA SESUATU KEJADIAN KECIL DI SATU TEMPAT DALAM SATU KONTEKS TERTENTU, TIDAK MENJADI KONTROVERSIAL DAN SENSITIF JIKA DIHADKAN KEPADA TEMPAT ITU SAHAJA.

TETAPI, TAMBAHNYA, APABILA SESUATU YANG KECIL DISEBAR LUAS, DITAMBAH DENGAN KATA-KATA SERTA SUSUNAN AYAT DAN KADANG KALA DIPUTARBELITKAN SUPAYA IA LEBIH BERUNSUR SENSASI, MASALAH YANG PADA MULANYA KECIL MENJADI ISU BESAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP WARTAWAN PERLU BERSIKAP JUJUR DAN ADIL SERTA MEMBUAT PERTIMBANGAN WAJAR SAMA ADA PENERBITAN SESUATU BAHAN BERITA ITU AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT ATAU SEBALIKNYA.

+APA SALAHNYA JIKA KITA MEMILIH BERITA YANG MEMBINA DARIPADA YANG HANYA BOLEH MEMBAWA KEBURUKAN WALAUPUN KONONNYA BERITA YANG BURUK LEBIH MENARIK DARIPADA BERITA YANG BAIK?+ -- LAGI.
1601MST 22 02 90

U B960 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 4 PETALING JAYA (ULANGAN - MEMBETULKAN PARA AKHIR)

+KITA SERING MENGECEM PENIAGA YANG HANYA MENGUTAMAKAN KEUNTUNGAN TANPA MENGHIRAUKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT TETAPI APAKAH DENGAN MENGUTAMAKAN LARISNYA PENJUALAN AKHBAR, KITA TIDAK SAMA TAMAK DENGAN PENIAGA YANG HANYA MENGUTAMAKAN KEUNTUNGAN ITU?+ TANYA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG PELBAGAI KATEGORI HADIAH KEWARTAWANAN.

PENGERUSI INSTITUT AKHBAR MALAYSIA HAJI MAZLAN NORDIN, YANG BERUCAP SEBELUM ITU, MEMUJI PERDANA MENTERI KERANA PRESTASINYA YANG MENGKAGUMKAN SEMASA TEMURAMAH SERENTAK BERSAMA-SAMA PRESIDEN CORAZON AQUINO (FILIPINA), PERDANA MENTERI PAKISTAN BENAZIR BHUTTO, PERDANA MENTERI KOREA SELATAN KANG YOUNG HOON DAN MENTERI LUAR INDER GUJRAL, MELALUI SATELIT SEMPENA +ONE ASIA ASSEMBLY+ DI MANILA BARU-BARU INI.

MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT TURUT MENGHADIRI MAJLIS HARI INI. -- BERNAMA.
1622MST 22 02 90